



UTeM

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



PEJABAT BENDAHARI

Tel : +606 331 6188 | Faks : +606 331 6115

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2Jld.3 (6)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

30 Mei 2013
20 Rejab 1434

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 6/2013

Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti teknikal Malaysia Melaka,

Assalamualaikum wrt. wbt.

Y.Bhg. Datuk/Prof./Dr./Tuan/Puan,

PINDAAN PIHAK BERKUASA MELULUS BAGI PEROLEHAN BERKAITAN BEKALAN DAN PENGHANTARAN BUKU CETAKAN DAN TERBITAN LUAR NEGARA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan pindaan Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan bekalan dan penghantaran buku cetakan terbitan luar negara di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bendahari Bil.9/2012 pada 20 September 2012.
- 2.2 Pindaan ini dilaksanakan bagi mempercepatkan proses berkaitan perolehan dan bekalan di Pejabat Perpustakaan.
- 2.3 Kertas kerja tersebut telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil.1/2013 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.2/2013.

3.0 PIHAK BERKUASA MELULUS

3.1 Pihak Berkuasa Melulus bagi perolehan bekalan dan penghantaran buku terbitan luar negara ini adalah seperti jadual di bawah ;

Bil	Had Nilai Perolehan (Bagi Setiap Pembelian)	Kuasa Melulus
i.	Sehingga RM 200 ribu	Ketua Pustakawan
ii.	Melebihi RM 200 ribu hingga RM 500	Jawatankuasa Sebut Harga
iii.	Melebihi RM 500 ribu hingga RM 20 juta	Lembaga Perolehan B
iv.	Melebihi RM 20 juta hingga RM 50 juta	Lembaga Perolehan A
v.	Melebihi RM 50 juta	Kementerian Kewangan

4.0 KUATKUASA PEKELILING

4.1 Surat Pekeliling ini membatalkan para 3.2 Surat Pekeliling Bendahari Bil.9/2012 dan berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih. Wassalam

Rujukan Kami (Our Ref.) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2Jld.3 (6)
Rujukan Tuan (Your Ref.) :

Surat Pekeliling Bendahari Bil.6/2013

Saya yang menurut perintah,



(KHAIRUL BIN TAIB)
Bendahari

Pejabat Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Sab/Perolehan/Pekeliling Bendahari

s.k **Y. Bhg. Prof Datuk Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan**
Naib Canselor

Y. Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib@Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi